

# Gajah masuk perangkap

Redah kawasan kuarters, musnah tanaman di ladang

>>Oleh Mohd Rafi Mamat

am@hmetro.com.my

**T**EMERLOH: Kegelisahan lebih 20 penghuni kuarters Pejabat Ladang Hutan Kemasul, di sini, yang kerap melihat kelibat gajah berkeliaran berdekatan tempat tinggal mereka sejak seminggu lalu, terlerai apabila haiwan itu ditangkap kakitangan Unit Gajah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan), kelmarin.

Gajah jantan itu kerap dilihat berkeliaran mencari makan terutama di waktu malam di sekitar kawasan kuarters berkenaan hingga menimbulkan ketakutan di kalangan penduduk setempat.

Pegawai Ladang Hutan Kemasul, Azqan Delila Ahmad Tajuddin berkata, haiwan berkenaan dipercayai masuk ke kawasan kuarters minggu lalu dan memusnahkan puluhan pokok pisang yang ditanam penduduk selain turut merayau di taman permainan kanak-kanak.

Menurutnya, kesan tapak kaki haiwan itu dapat dilihat di sekitar kawasan perumahan berkenaan dan walaupun tidak merosakkan rumah dan harta benda namun kehadirannya tetap menimbulkan keseimbangan penduduk.



**TANGKAP...**gajah masuk kampung sudah ditangkap.

“Kami menghubungi Perhilitan selepas penduduk mengadu haiwan berkenaan berada dalam kawasan kuarters. Kami tidak mahu ada kejadian tidak diinginkan berlaku dan setakat ini, haiwan berkenaan hanya memusnahkan pokok pisang yang ditanam penduduk,” katanya.

Beliau berkata, kejadian itu adalah yang pertama kali

berlaku dan sebelum ini, gajah hanya dilihat di Hutan Simpan Kemasul yang menjadi habitat semulajadinya.

Sementara itu, Pengarah Perhilitan negeri, Khairiah Mohd Shariff berkata, pihaknya menghantar lima kakitangan unit gajah ke kawasan berkenaan selepas menerima aduan penduduk mengenai kehadiran haiwan terbabit.